

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENYOKONG USUL ANGGARAN PEMBA-
NGUNAN 1962 DI DEWAN RAKYAT, PADA
27HB JANUARI, 1962**

Tuan Yang Dipertua,

Saya dengan sukacitanya menyokong usul yang telah dikemukakan oleh rakan saya, Yang Berhormat Menteri Kewangan¹. Tahun 1961 adalah tahun yang pertama kita melancarkan dan menjalankan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua dan kemajuan yang telah dicapai dalam tahun itu telah menunjukkan dengan terang dan nyatanya bahawa rancangan pembangunan negara kita adalah menanibahkan mata pencarian rakyat dan juga meninggikan taraf hidup mereka itu. Seperti kata Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini bahawa dalam tahun 1961 kita telah membelanjakan wang lebih kurang S288 juta iaitu dua kali ganda daripada wang yang telah dibelanjakan dalam tahun 1960. Ini adalah satu kehasilan yang besar dan kehasilan ini menunjukkan yang kita telah berjaya menjalankan kemajuan-kemajuan ini dalam lapangan iktisad negara kita ini.

Dalam lapangan perusahaan, dasar Kerajaan ialah hendak menggalakkan pemodal-pemodal mengadakan perusahaan-perusahaan yang telah memberi kehasilan dan yang telah memberi puas hati dengan mendatangkan faedah-faedah kepada negara kita ini dan dengan adanya perusahaan-perusahaan dan kilang-kilang ini dapatlah penduduk-penduduk negeri ini yang tidak mempunyai pekerjaan diberi pekerjaan dan dapatlah iktisad negeri kita ini sentiasa diluaskan. Akan tetapi yang lebih penting daripada ini adalah kemajuan yang telah dicapai dalam tahun ini iaitu dalam lapangan tanaman, oleh sebab usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Agricultural Research dan perusahaan-perusahaan tambahan serta perkembangan taliair dan kemajuan tanaman-tanaman itu telah memberi kesan yang nyata iaitu menambahkan keluaran barang-barang makan dan jualan. Dalam tahun 1961 sembilan puluh enam rancangan taliair telah dimulakan, tiga puluh sembilan telah siap dan lima puluh tujuh masih lagi dalam pembinaan pada hujung tahun 1961.

1. Y.B. Tan Siew Sin.

Daripada rancangan yang besar tahun ini ialah membuka tanah baharu dengan jalan memberi tanah kepada penduduk-penduduk luar bandar. Dalam tahun 1960 sebelas rancangan telah dimulakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah yang berjumlah luasnya 45,234 ekar. Dalam tahun 1961 sebelas lagi rancangan tanah telah dimulakan yang luasnya 44,106 ekar begitu juga kemajuan-kemajuan yang besar sedang tercapai dalam pekerjaan mengadakan kemudahan bagi penduduk-penduduk kampung seperti jalan-jalan raya, jambatan-jambatan, bekalan-bekalan air, kuasa elektrik dan sebagainya. Dalam tahun 1961 Kerajaan telah berjaya membina lebih kurang 543 batu jalan iaitu berganda lebihnya daripada tahun 1960 kerana pada tahun itu Kerajaan telah berjaya membina hanya 122 batu jalan raya sahaja. Kemajuan bagi mengadakan kuasa-kuasa elektrik yang menjadi punca-punca yang mustahak bagi perusahaan dan kilang sedang ditambah dan generating capacity pusat elektrik telah bertambah daripada 162,000 kilo-watt kepada 164,000 kilo-watt pada tahun 1961. Begitu juga kemudahan-kemudahan yang besar-besar untuk memuaskan kehendak rakyat telah tercapai dengan mengadakan sekolah-sekolah, pusat kesihatan dan juga kemudahan yang lain dikehendaki oleh anak negeri ini yang setiap masa bertambah ramai bilangannya. Saya fikir dalam lapangan ini memadai jikalau saya sebutkan satu atau dua contoh sahaja iaitu 1,237 bilik darjah baharu dan empat puluh lapan klinik-klinik bidan telah siap dibina dalam tahun 1961 dan keluaran air bertambah daripada lapan puluh empat million gallon kepada sembilan puluh tiga million gallon pada tiap-tiap hari.

Kemajuan rancangan-rancangan ini adalah terus dijalankan dalam tahun 1962 dan peruntukan belanjawan telahpun dimasukkan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa setengah-setengah kejayaan yang telah dicapai itu sangatlali memberi puashati dan kejayaan ini ialah disebabkan oleh kerjasama dan kemahuan yang diberi oleh rakyat jelata dan kerjasama dan perkhidmatan yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh itu saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi kepujian kepada pegawai-pegawai dan juga penduduk-penduduk yang lain yang telah menolong menjayakan rancangan-rancangan kemajuan di daerah masing-masing. Kerajaan sangat faham bahawa mustahaklah diadakan satu badan bagi menyiasat dan mengatur rancangan kemajuan ini. Seperti telah

saya terangkan Economic Secretariat yang dahulu itu telah ditukarkan dan dijadikan Economic Planning Unit iaitu satu badan perancangan bagi menyediakan rancangan-rancangan kemajuan. Seperti kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, Jawatankuasa Kerja Pusat bagi Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini telah dijadikan Jawatankuasa Perancangan Kemajuan Kebangsaan.

Saya suka menerangkan bahawa Jawatankuasa ini adalah menjalankan tugasnya dengan memberi puashati bagi menyediakan dan menyemak rancangan-rancangan kemajuan yang telah dimasukkan dalam anggaran belanjawan tahun 1962 sungguhpun ahli-ahli Jawatankuasa ini ialah pegawai-pegawai yang telahpun mempunyai tanggungjawab masing-masing tetapi mereka itu semuanya telah mengorbankan masanya bagi menjalankan tugas Jawatankuasa ini. Begitu juga Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Iktisad mengandungi pegawai-pegawai yang berpengalaman di lapangan iktisad dan juga Kerajaan ada dapat bantuan nasihat daripada pakar-pakar Bank Dunia. Saya percaya dengan adanya dua Jawatankuasa itu dapatlah rancangan kemajuan yang dibentangkan di hadapan Dewan ini dilaksanakan dengan sempurna dan peruntukan wang yang disediakan itu dapat dibelanjakan dengan memberi puashati menurut kehendak dan tujuan kebangsaan kita.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa membincangkan Anggaran Belanjawan Tanaman, Ahli-ahli Yang Berhormat ada memberi pandangan mendesak Kerajaan supaya menggalakkan tanaman-tanaman pokok ataupun barang-barang selain daripada getah. Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa faham di atas hal ini dan dasar betapa mustahaknya dikeluarkan barang-barang selain daripada getah dan dasar ini telahpun diterima dan dijalankan oleh Kerajaan.

Dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Pertama dan juga yang kedua pun ada dimasukkan rancangan-rancangan bagi menjayakan perusahaan-perusahaan kecil dan juga menggalakkan menanam pokok-pokok selain daripada getah. Rancangan bagi membahagi-bahagikan iktisad kita itu atau diversification adalah termasuk bertanam padi dan pokok-pokok yang lain seperti kelapa sawit, kelapa, rancangan menangkap ikan dan juga berternak.

Kerajaan sentiasa faham dan mengetahui bahawa dalam per-caturan pasaran dunia yang ada sekarang ini dan bahaya daripada cadangan Amerika Syarikat dan British untuk mengurangkan getah simpanannya itu adalah menunjukkan betapa mustahaknya dasar bagi iktisad itu dijalankan dengan seberapa daya upaya yang boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh faham bahawa langkah-langkah telah diambil dengan sertamerta bagi meng-galakkan bertanam pokok selain daripada getah yang difikirkan boleh mendatangkan hasil yang berpatutan. Selain daripada bertanam padi, kelapa sawit telah didapati satu daripada barang-barang berfaedah ditanam. Oleh itu Kerajaan bercadang hendak mengutamakan bertanam kelapa sawit dalam rancangan membuka tanah baharu dan jikalau tanah itu didapati sesuai dengan tanaman kelapa sawit itu. Begitu juga usaha sedang di-jalankan dengan giatnya untuk menyiasat pokok-pokok lain yang boleh ditanam dan dapat pasaran yang memuaskan hati akan tetapi perkara ini tentulah tidak dapat dijalankan dengan serta-merta dan pekerjaan ataupun membagi iktisad kita yang mem-punyai bermacam-macam cabang itu tentulah tak boleh dijalankan dengan sertamerta ataupun dengan secepat mungkin. Siasatan yang sehalus-halusnya hendaklah dijalankan supaya peladang-peladang dapat dipimpin dan dididik untuk bertanam pokok-pokok selain daripada getah yang boleh mendatangkan hasil yang berpatutan kepada mereka itu.

Selain daripada itu, Kerajaan telah menggalakkan perusahaan-perusahaan yang lain, dan perusahaan inilah yang boleh menolong membaiki iktisad negeri ini dan bagi faedah rakyat hendaklah Kerajaan Negeri menggalakkan dengan seberapa yang boleh pada masa yang akan datang. Kerajaan adalah mempunyai tugas yang tertentu bagi menggalakkan kemajuan-kemajuan perusahaan kecil dan mana-mana juga perusahaan yang patut dijalankan akan diberi bantuan dan pertolongan yang patut. Kerajaan mencadang-kan iaitu Industrial Development Policy hendaklah diberi galakan lebih-lebih lagi bagi mengadakan perusahaan kilang-kilang untuk kemajuan negeri.

Pada tahun yang lalu apabila saya membentangkan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua, saya telah menerangkan betapa mustahaknya bagi kita menyemak dari satu masa ke satu masa perjalanan Rancangan Kemajuan Lima Tahun kita itu, dan rancangan-rancangan yang hendak diadakan menurut keadaan-keadaan yang didapati dari satu masa ke satu masa supaya tujuan

dan dasar kita yang sebenarnya dapat dijalankan dengan sempurna. Oleh itu, dari satu masa ke satu masa Kerajaan adalah menyemak Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua, dan perkara-perkara yang difikirkan mustahak pada satu-satu tahun itu telah dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan tahun itu. Sungguh pun Rancangan Luar Bandar adalah rancangan yang penting sekali, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dapati bahawa dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar hanyalah di-untukkan wang \$50 juta sahaja. Peruntukan ini adalah sebahagian kecil daripada Rancangan Luar Bandar bagi tahun 1962 dan Rancangan-rancangan Kemajuan Luar Bandar yang lain adalah dimasukkan di bawah Kementerian-kementerian yang tertentu dan Kementerian-kementerian yang berkaitan dengan pembangunan negara adalah sentiasa menyemak dan meneruskan rancangan-rancangan yang difikirkan munasabah dan mustahak bagi memuaskan kehendak rakyat di kampung-kampung. Dan apabila saya sebutkan kampung-kampung itu maka termasuklah kampung-kampung lama dan juga kampung-kampung baharu.

Satu daripada perkara yang menarik hati dalam Rancangan Pembangunan Negara kita ialah atas cadangan Kerajaan untuk mengadakan perkakas yang sedia (pre-fabricated component) kerana pembangunan rumah-rumah seperti sekolah, kelinik dan juga rumah-rumah yang lain bagi kawasan luar bandar dengan tujuan hendak mengurangkan belanja bagi membina rumah-rumah itu. Rancangan ini sedang diatur dan dipercayai apabila rancangan ini berjalan bukan sahaja dapat dikurangkan harga-harga rumah itu bahkan rumah itu dapat didirikan oleh orang yang tidak ada mempunyai pengalaman dalam hal membina rumah ini, dan dengan itu dapatlah kita memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang barangkali tidak ada mempunyai pengalaman bagi membina rumah. Rancangan ini juga akan melekaskan pelaksanaan rancangan-rancangan di luar bandar dan juga seperti saya katakan tadi akan mengurangkan perbelanjaan bagi membina rumah-rumah ini.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menjalankan rancangan pembangunan negara perkara yang mustahak sekali ialah mengadakan persediaan-persediaan yang tertentu dan segala projek-projek itu dirancang dengan teratur. Apabila projek-projek itu telah dirancang dengan teratur, maka baharulah dapat dijalankan dengan memberi penghasilan yang memuaskan hati. Dengan adanya Bilik Gerakan di

peringkat kebangsaan, negeri dan jajahan dapatlah pelaksanaan rancangan-rancangan disemak dan diperhatikan dari satu masa ke satu masa, dengan ini dapatlah pelaksanaan rancangan itu dijalankan dengan memberi puas hati. Tak dapat tiada, dalam melaksanakan rancangan itu ada beberapa kesulitan akan tetapi jika semua pegawai-pegawai yang berkaitan dengan hal ini faham akan dasar Kerajaan tentulah kesulitan itu akan dapat diatasi dengan sempurnanya. Rancangan-rancangan Pembangunan Negara kita adalah semata-mata bertujuan hendak membina keadaan hidup rakyat negara kita ini, terutama sekali mereka-mereka yang duduk di kawasan luar bandar. Dengan sebab itu pelaksanaan rancangan ini adalah dikehendaki dijalankan dengan licin dan teratur supaya mendapat penghasilan dengan seberapa segera yang boleh. Dengan sebab itu pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan negara ini disifatkan sebagai satu darurat yang dikehendakki tenaga yang penuh daripada semua pihak, pegawai kerajaan dan rakyat jelata seterusnya. Saya yakin dan percaya hanyalah dengan mereka semua bersatu hati dan bersatu tujuan baharulah dapat Rancangan Pembangunan Negara ini dilaksanakan dengan memberi puas hati dan mendapat sepenuh penghasilan kepada penduduk negeri ini, terutama sekali mereka-mereka yang duduk di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, demikianlah sahaja, saya dengan sukacita menyokong cadangan ini.